



ANUGERAH: Ismail (empat dari kanan) menyaksikan Priveqa (empat dari kiri) menerima Anugerah BEM yang disampaikan oleh Azman (tengah).

UMS lahir kumpulan pertama Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Minyak dan Gas

UB 15.12.2022 P.02

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya melahirkan kumpulan graduan pertama bagi program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Minyak dan Gas sempena Konvokesyen UMS kali ke-24 baru-baru ini.

Seramai 24 graduan program berkenaan menerima ijazah masing-masing yang disampaikan oleh Pro Canselor UMS Tan Sri Azman Hashim di Dewan Canselor UMS.

Dekan Fakulti Kejuruteraan (FKJ) UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Saad berkata, sejak ambilan pertama pada 2018, program Kejuruteraan Minyak dan Gas UMS menerima seramai 150 pelajar.

“Selain program ijazah sarjana muda, FKJ UMS turut menawarkan program kejuruteraan minyak dan gas di peringkat diploma dan sarjana.

“Setakat ini, lebih 50 peratus keluaran kohot pertama program Kejuruteraan Minyak dan Gas menerima tawaran pekerjaan dari syarikat multinasional seperti PETRONAS, Sime Darby, Foxboro, Matco, dan Tata Consultancy,” katanya dalam kenyataan di sini.

Ismail berkata, menurut kajian yang dijalankan oleh fakulti itu, graduan program itu menerima tawaran sejeurus menamatkan pengajian di semester terakhir.

“Ini menunjukkan bidang yang diceburi ini mendapat liputan meluas dalam kalangan industri dan sangat

diperlukan pada masa kini,” katanya.

Sementara itu, seorang graduan program Kejuruteraan Minyak dan Gas UMS Priveqa Yaashini Gopalan ingin menjadi alumni yang dapat menyumbang kembali kepada UMS dan masyarakat.

“Saya selalu berpegang kepada prinsip ‘be kind and serve back to the people in need’. Dengan ijazah yang saya miliki, saya dapat membantu dari segi kemahiran mahupun motivasi untuk dikongsikan kepada para pelajar program minyak dan gas di UMS.

“Minat terhadap subjek matematik dan sains mendorong saya untuk mendalami bidang kejuruteraan. Saya meneruskan pengajian dalam jurusan minyak dan gas kerana ingin tahu bagaimana minyak yang diperoleh daripada pembentukan batuan, proses awal sehinggalah kepada tahap penjualan kepada pengguna.

“Ia menarik perhatian saya bagaimana penerokaan dan pengeluaran minyak berlaku,” jelasnya.

Priveqa yang berasal dari Selangor juga salah seorang penerima Anugerah Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) bagi 2022.

Anugerah BEM diberikan kepada pelajar tahun akhir prasiswazah bagi setiap program kejuruteraan yang mendapat keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.60 ke atas serta memiliki sahsiah yang baik.